

**SOALAN NO. 343****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : BUKAN LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN NGA KOR MING  
[TAIPING]****SOALAN :**

**YB Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

(a) berapakah jumlah peruntukan yang diterima oleh kawasan Parlimen Taiping dari tempoh tahun 2008 hingga ke tahun 2017; dan

(b) senaraikan secara teliti apakah projek Pembangunan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan di kawasan Parlimen Taiping dari tahun 2008 hingga kini dan berapakah jumlah nilainya dan berapakah jumlah peruntukan tahunan yang diberi kepada seorang Ahli Parlimen

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari tahun 2008 sehingga tahun 2017, sejumlah RM847.21 juta telah diluluskan di bawah peruntukan pembangunan bagi Kawasan Parlimen Taiping. Peruntukan ini melibatkan sebanyak 139 projek pembangunan. Perincian projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

<b>Tahun (RMLT)</b>	<b>Bil. Projek</b>	<b>Peruntukan Diluluskan (RM Juta)</b>
2008-2010 (RMK-9)	94	442.02
2011-2015 (RMK-10)	30	356.31
2016-2017 (RMK-11)	15	48.88
<b>JUMLAH</b>	<b>139</b>	<b>847.21</b>

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 344 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING  
[ TAIPING ]**

**SOALAN :**

**YB TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai kedudukan antara negeri-negeri untuk tahun 2016 & 2017 :-**

- (a) pendapatan per kapita rakyat setiap negeri dan jumlah pelaburan asing yang datang melabur di setiap negeri ; dan**
  
- (b) sumbangan dan kedudukan KDNK bagi setiap negeri.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara telah merekodkan peningkatan sebanyak 5.9%, sejajar dengan peningkatan pertumbuhan ekonomi global. Prestasi yang memberangsangkan ini telah dipacu oleh pertumbuhan dua digit sektor perdagangan luar dan disokong oleh pengukuhan permintaan dalam negeri berikutan antara lain peningkatan pendapatan boleh guna individu hasil daripada bantuan khas yang diberikan oleh Kerajaan. Pelaburan sektor swasta juga berkembang mampan, terutamanya bagi segmen berkaitan minyak dan gas, infrastruktur serta elektrik dan elektronik (E&E). Dalam masa yang sama, kesemua sektor ekonomi utama turut mencatatkan pertumbuhan positif dengan sektor perkhidmatan dan perkilangan kekal sebagai penyumbang terbesar ekonomi negara.

Persekutaran Malaysia yang mesra pelabur dan kos perniagaan yang rendah juga telah berjaya menarik sejumlah besar pelaburan

langsung asing. Bagi tempoh Januari – September 2017, negara berjaya menarik pelaburan langsung asing sebanyak RM36.4 bilion, terutamanya dalam sektor pembuatan dan kewangan, iaitu peningkatan sebanyak 6.6% berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas. Negara turut mencatatkan peningkatan lebihan dagangan yang tinggi berjumlah RM69.6 bilion, di mana eksport kasar telah melonjak sebanyak 21.3% bagi tempoh Januari – September 2017 berbanding 0.5% pada tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Prestasi ini didorong oleh eksport barang perkilangan, khususnya E&E, produk petroleum dan produk berasaskan minyak sawit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa kini Jabatan Perangkaan Malaysia hanya menyusun data pelaburan asing FDI (realised investment) mengikut negara sahaja secara aggregate. Manakala data pelaburan asing di Malaysia (FDI) mengikut negeri disusun oleh pihak MIDA berdasarkan Approved Investment.

Sekian, terima kasih.

23 November 2017